

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD FASIAH B. MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah naskhah Al-Quran dan muqaddam yang telah dirampas kerana tidak mematuhi peraturan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan langkah Kementerian bagi menghalang pengedaran dan penjualan Al-Quran dan muqaddam yang tidak sah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari Januari 2018 sehingga Ogos 2019, sejumlah 4,220 naskhah teks al-Quran (yang merujuk kepada teks al-Quran berbahasa arab yang mengandungi satu juzu' atau lebih) dan 20,636 bahan al-Quran (yang merujuk kepada dokumen yang mengandungi mana-mana ayat al-Quran) telah dirampas di lapangan. Manakala sejumlah 10,582 naskhah al-Quran dan 13,056 bahan al-Quran telah ditahan di pintu-pintu masuk negara. Jumlah keseluruhan teks al-Quran yang dirampas adalah sebanyak 14,802 naskhah manakala jumlah keseluruhan bagi bahan al-Quran adalah sebanyak 33,692 bahan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menghalang pengedaran dan penjualan al-Quran dan muqaddam yang tidak sah mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Akta

SOALAN NO : 3

Pencetakan Teks Al-Quran (APTQ) 1986. Di antara tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut :

1. Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas premis-premis penjualan teks dan bahan al-Quran, penjualan secara dalam talian (*online*), penerbit, pencetak dan pengimport al-Quran seluruh Malaysia oleh Pegawai Penguatkuasa, Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan KDN.
2. Melaksanakan tindakan bersepadu dengan penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) untuk sama-sama terlibat dalam memantau dan menguatkuasa APTQ 1986 melalui penurunan kuasa di bawah Seksyen 17 akta berkenaan.
3. Mencadangkan pindaan APTQ 1986 bagi memperkukuh aspek penguatkuasaan dengan memberikan kuasa menyiasat kepada pegawai penguatkuasa yang dilantik, mengadakan peruntukan kompaun serta meningkatkan jumlah penalti di bawah akta ini.
4. Bekerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam melaksanakan pemeriksaan di semua pintu masuk negara dengan memeriksa kontena dan bagasi pengimportan berdasarkan APTQ 1986.
5. Bekerjasama dengan pihak JAKIM dan JAIN dalam menjalankan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap keperluan mendapatkan al-Quran yang telah diluluskan seperti berikut:
 - a. Menganjurkan seminar Pemuliaan al-Quran yang diadakan secara berkala di setiap negeri seluruh Malaysia setiap tahun.
 - b. Mengadakan pameran mushaf dan bahan-bahan al-Quran yang dirampas / ditahan serta mengedarkan pamflet dan brosur mengenai dasar dan peraturan KDN berkaitan pencetakan al-Quran dalam program-program yang melibatkan KDN.
 - c. Menyedia dan menyelaras bahan-bahan penerangan termasuk

SOALAN NO : 3

melalui teks-teks khutbah mengenai dasar dan peraturan berkaitan pencetakan, penjualan dan pengedaran al-Quran.

6. Mengadakan sesi-sesi pertemuan dengan pihak penerbit, pencetak dan pengimport bagi menerangkan mengenai isu, dasar dan peraturan yang diputuskan berkaitan penerbitan dan pengimportan al-Quran. Pada masa yang sama memberikan peringatan kepada semua pihak agar mematuhi undang-undang yang ditetapkan dalam penerbitan al-Quran.

7. Berusaha meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa yang terlibat dalam kawal selia akta ini melalui kursus-kursus mengenai penulisan al-Quran dan juga hal-hal yang berkaitan dengan pencetakan mushaf al-Quran.